



**TEKS UCAPAN  
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
PERDANA MENTERI**

**SEMPENA  
MAJLIS AMANAT PERDANA MENTERI KEPADA  
PENJAWAT AWAM NEGERI & PERSEKUTUAN DI SABAH**

**28 FEBRUARI 2023 | 4.30 PETANG**

**PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA SABAH (SICC)**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah.

*Nahmaduhu Wa Nusalli Ala Rasoolihil Kareem*

YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor  
Ketua Menteri dan Datin,

Menteri Persekutuan, Timbalan Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Negeri,

Ketua Setiausaha Negara dan Setiausaha Kerajaan Negeri,

Ketua Polis Negara,

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan,

Saudara-saudari penjawat awam persekutuan dan negeri Sabah.

Alhamdulillah, saya ucap syukur dan terima kasih kepada sahabat lama saya, YAB Ketua Menteri Hajiji kerana memberikan ruang dan kesempatan ini. Lebih kurang dalam 100 Hari Kerajaan baru dan Sabah memulakan satu program yang

bermakna, memberikan kesempatan untuk saya menjelaskan, dan ini di antara sambutan baik yang saya terima.

Saudara-saudara, saya mendengar tadi pesanan dan ucapan Ketua Menteri. Saya tertarik untuk mengulas sedikit. Untuk menyatakan bahawa negara ini Malaysia dan Sabah, punyai kesempatan, punyai ruang, punyai upaya untuk diangkat martabatnya. Ada masa dan ketika kita meningkat. Ada masa dan ketika kita merosot dan menurun. Sejarah menyaksikan dan tidak boleh dimungkiri kebenarannya. Kebangkitan satu generasi atau penurunan, tertakluk kepada sistem yang stabil dan pimpinan yang wibawa. Sebab itu kami di pusat dan Persekutuan memilih untuk mempertahankan dan menyampaikan pandangan kepada rakan-rakan di Sabah, beri peluang kepada Ketua Menteri Hajiji memimpin dan sama-sama mengangkat semula martabat Sabah.

Rupa-rupanya dalam gaya kelembutan dia, sepak terajang politik dan silatnya hebat juga. Jadi dalam masa singkat nampaknya beliau dapat memantapkan kedudukan Kerajaan negeri. Kerajaan kian stabil dan sekarang saya fikir tidak berbangkit lagi apa-apa ketegangan politik. Kami di Persekutuan menyambut baik dan mahu pasukan ini bekerjasama secara utuh membangkitkan semula negeri.

Saya sengaja singgung soal pasang surut. Bukan pasang surut kisah saya, pasang surut negeri dan negara. Tadi Ketua Menteri Hajiji sebut pahit manis perjuangan saya. Sebenarnya saya ini lebih banyak pahit dari manisnya. Tetapi itu pengalaman lalu. Sebab itu, di beberapa kesempatan saya sengaja mengingatkan kita tentang pemikiran filasuf lama yang sentiasa mengingatkan kita tentang perlunya ada semangat idealisme, semangat muafakat di antara satu masyarakat apatah lagi pelbagai kaum, pelbagai budaya, pelbagai agama. Kita boleh memilih bersatu dan angkat naik, kita juga boleh memilih untuk berpecah, itu pilihan kita.

Seperti mana kita kalau seorang muslim pegang pada Al-Quran itu pilihan diberikan.

*Laqod Kholaqnal Insaana Fii Ahsani Taqwim*

(Surah At-Tin, ayat 3)

Allah boleh angkat darjat manusia itu menjadi semulia-mulianya manusia yang baik, diberi amanah dilaksanakan dengan baik. Tolak kebejatan, tolak rasuah dan penyelewengan. Tolak sikap angkuh atau memilih untuk turun darjatnya.

*Thumma Radadna Hu Asfala Safilin* (Surah At-Tin, ayat 5)

Dia boleh pilih serendah-rendahnya sebab itu sentiasa kita tekankan. Manusia boleh diangkat sebagai mulia dan cemerlang. Boleh dihumban lebih hina dari haiwan. Sebab itu dalam negara seperti juga mendidik seorang manusia. Kita jangan lupa. Dan bila saya kemukakan gagasan MADANI ini dan saya nak ingatkan negara ini bukan sahaja pertumbuhan ekonomi, bukan sahaja memunggah kekayaan tetapi juga menjaga persekitarannya, meletakkan nilai kemanusiaan. Akhirnya kita nilai, baik agama atau ideologi atau kefahaman dan negeri, nilai manusia itu harus kita angkat. Apa hak kita menghina kaum lain? Apa hak kita untuk merendahkan darjat orang yang warna kulitnya berbeda atau rupanya berbeda pada hal semua itu ciptaan Allah S.W.T berlaku. Ini yang kita sebut nilai insan, nilai kemanusiaan, ihsan dan semangat mempertahankan keadilan bagi semua.

Saya harap ini jangan dilupakan. Kerana saya yakin seperti dicatat yang disebut dalam catatan Kejayaan Sabah, saudara-saudari di Sabah, kerana kepimpinannya, kerana penjawat awamnya kerana masyarakatnya telah mampu menghasilkan pendapatan negeri mencerekah 7 bilion ringgit. Untuk apa ini semua? untuk pastikan manfaatnya, keselesaan kepada negeri itu terjamin.

Abdul Hamid Ibn khaldun yang bermula mengungkapkan falsafah ini. Bagaimana dengan idealisme dengan nilai yang baik? Negara boleh bangkit dan membina tamadun. Bagaimana negara yang sudah terangkat tamadunnya itu sebagai hebat, mungkin pecah kerana nafsu serakah kuasa, kerana masing-masing gunakan kekuasaan itu untuk membolot kekayaan. Habis tanah dan kekayaan dan saham itu dibolot oleh segelintir. Kerana meninggalkan, mengenepi dan menyisihkan hasrat rakyat yang banyak.

Maka sebab itu kita peringatkan diri kita dan pimpinan terutamanya harus ada perubahan ini kerana pasang surut itu berlaku bukan kerana alam semula jadi. Pasang surut itu berlaku kerana fe'el (tingkah laku) dan sikap manusia. Sebab itu dalam mengurus negeri dan negara, pertimbangan yang disebut *good governance* itu bagi saya *fundamental. That's essential practice in any government state or federal. They undertake a major responsibility to got against accesses because this country Malaysia has a capacity to emerge as one of the great nations in the region only if you work together, if work hard.*

Dan menjaga prinsip nilai yang diungkapkan oleh Ketua menteri dan dalam falsafah atau gagasan MADANI. Saya dalam berapa bulan ini, memang disergah juga oleh kalangan sana mengatakan, mengapa harus saya terus pertikai soal lampau.

Saya tidak pertikai soal lampau. Saya mahu Kerajaan baru kita ini berdiri dari landasan yang betul. Tidak mungkin negeri ini akan boleh bertahan, sekiranya puluh bilion tiris dan hilang. Saya lihat sekarang, Malaysia yang dulunya harum. Kadang kadang hebah di luar negara mengenai semata-mata skandal kewangan, kehilangan wang dan kecurian dana.

Kita tidak mahu begitu kerana ini bukan salah rakyat, bukan salah suku kaum, bukan salah agama, ini salah beberapa kerat orang yang diamanahkan. Apakah ini dihentikan, tidak? Apakah belum ada pimpinan dihukum, sudah ada? Apakah ini satu pengajaran? Belum tentu. Sebab kecelaruan dan penyelewengan ini terus berlaku.

Di antara tugas pertama yang saya lakukan, Ketua Polis Negara ada, dan Menteri Dalam Negeri ada, arahan saya cukup jelas. SPRM, LHDN jalankan tugas mereka. Saya tidak mahu ganggu. Saya mahu negeri ini balik kepada landasan hukum dan tegak atas prinsip ini. Dan bila ada hasil kita boleh selamatkan. Semalam, saya tandatangani dengan pihak Abu Dhabi Investment Authority (ADIA), kita perolehi 1.8 billion dollar, lebih 8 bilion ringgit kembali ke Tabung Negara.

Wang yang dulunya hilang, tetapi dalam rundingan kita tegas, tak ada komisen bagi Perdana Menteri, tidak ada komisen bagi

perunding, tidak hasil lebih bagi peguam-peguam, tetapi mesti ada pulangan maksima kepada negara, supaya rakyat berhak pulih perolehi wang yang hilang itu.

Saudara,

8 bilion ringgit yang dulunya hilang boleh dipulangkan kerana apa? Integriti saudara. *When they speak of good governance. We are talking about integrity. We have that, this country can be safe.*

Saya percaya, Sabah bersama dalam Malaysia boleh diangkat dan penyelewengan dihentikan dan wang akan lebih. Ada kontrak besar dengan kos 20 bilion, bila kita runding semula boleh selamat 2 bilion. Ini negeri apa begini? Ada kontrak 10 billion, hilang satu bilion. 5 bilion hilang 500 juta ringgit sampai bila? Mungkin kita jaga kepentingan rakyat. Tidak mungkin, sebab itu kalau pun saya disergah. Saya tak peduli. Saya mohon rakyat Sabah bersama dalam hal ini, kita lawan habis-habisan untuk pertahankan hak kita.

Ketua Menteri, sahabat saya sentuh MA63. Perjanjian Malaysia 1963. Tanya Premier Abang Johari dalam beberapa minggu saya panggil mereka. Saya tanya apa masalah dia? Runding, jawatankuasa demi jawatankuasa *select committee, special*

*committee, super coordinating committee, hire coordinating committee.* Tapi penyelesaian tak banyak.

Dalam beberapa mesyuarat jemaah menteri yang awal. Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Zuki ada. Saya kata selesaikan apa yang boleh selesai. Perjanjian gas selesai, pindaan undang undang negeri Sabah buat, dan sekarang ambil alih, jaga baik-baik kalau salah kita sergah lagi, itu sudah menjadi hak Sabah.

Semalam saya jumpa lagi Petronas, beberapa cari gali lain ada, saya kata kepada Petronas. Jadi kita sudah pun ada beberapa perundingan dengan Ketua Menteri. Saya kata biarlah industri hiliran. Saya bukan ada kontraktor wakil saya. Tetapi saya kata cari yang *credible* beri kerjasama, kesempatan angkat anak-anak muda yang profesional yang mampu bantu mereka dalam industri hiliran supaya mereka mendapat hasil dari minyak ini. Kemudian kita berikan belanja yang tinggi. Kontrak-kontrak ni di antara hal yang dibangkitkan oleh MA dalam perjanjian Malaysia 1963. Mereka buat klinik harga 5 juta, prosesnya ikut proses biasa. Mohon kelulusan dari Putrajaya, jadi kadang-kadang mengambil waktu. Jadi saya bincang semula dengan Perbendaharaan. Saya selaku Perdana Menteri bincang dengan Menteri Kewangan, bagaimana nak selesaikan masalah ini? Maka Menteri Kewangan cadangkan, apa kata kalau kita cuba beri kesempatan, apa projek pada peringkat awal, katanya 30

juta ringgit ke bawah biar dikendalikan sendiri. Dengan syarat ikuti peraturan kewangan. Jadi projek-projek kecil tidak tertangguh.

Bila Menteri Kewangan cadangkan Perdana Menteri putuskan, tak apalah permulaannya kita naikkan 50 juta ringgit ke bawah, buatlah sendiri. Jadi sekarang, kita tentu nak cerakinkan beberapa prosedur dan ini terserah, jadi setelah nanti 6 bulan nanti saya akan tanya Ketua Menteri. Ni dah bagi 6 bulan dah, projek cepat atau tidak? ini maka bolehlah kita serahkan dan kita persoalkan. Kalau tidak, saya datang lagi berapa bulan, Ketua Menteri tanya saya, bila projek nak siap? sekarang bila dah kita bagi kuasa ini kepada negeri, dan lawatan saya akan datang saya tanya Ketua Menteri bila projek itu akan siap?

Ini cabaran kepada penjawat awam di negeri terutama JKR dan badan-badan. Tapi apakah susah? Tak susah. Datuk Pairin tahu. Ini yang gaduh gaduhnya apa dia? Saya tak fikir tanya ini Tan Sri Zuki KSN, dalam satu jam setengah jam kita selesaikan, jadi saya agak bingung mengapa ini mengambil masa 30 tahun selesai isu ini.

Kemudian ada beberapa peruntukan khas bila kita tubuh Sabah Sarawak, Semenanjung Tanah Melayu. Sabah masa itu memang jauh ketinggalan semasa Malaysia 1963. Maka ada

beberapa peruntukan, perjanjian yang harus diberikan. Maka runding runding adalah berapa puluh juta setahun kita bagi kepada Sabah dan juga 16 juta kepada Sarawak. Ni saudara Hajiji kata kepada saya, munasabah ke 20 juta untuk percepatkan proses pertumbuhan dan pembangunan sebagai peruntukan khas. Saya pun tanya Menteri Kewangan. Dia jawab tak, tidak munasabah. Sama juga Premier Sarawak. Maka oleh itu kita putuskan. Mulai tahun ini, segera 300 juta ringgit kepada Sarawak dan kurang sedikit daripada 300 juta kepada Sabah. Kemudian, Datuk Seri Hajiji tu dia kesian saya, dia tahu tekanan Belanjawan tapi dia hantarkan berapa mesej keliling. Mungkin masih di ada kawan lain-lain. Dia kata takkan kita kurang 20 - 30 puluh juta daripada Sarawak? Tak apalah saya pertimbangkan untuk tambah insha Allah.

Sekarang ini defisit 5.6 peratus. Hutang 1.5 trillion termasuk tanggungan, 1.2 campur perpuluhan 3. Ya. Bagaimana boleh Negara ini biar begitu rupa? Bagaimana Kerajaan demi Kerajaan silih berganti, hal yang begini yang memungkinkan keadaan itu agak parah dari segi sistem ekonomi dibiar begitu rupa. Sebab itu, sudah jangan pandang ringan soal pimpinan negara. Jangan fikir bergaduh soal suku kaum dan parti sehingga mengenepikan kepentingan mewujudkan satu sistem dan pimpinan lebih bertanggungjawab. Jangan gunakan sentimen-sentimen kaum dan suku kaum dan negeri yang berlebih-

lebihan. Jaga negeri ini. Negeri ini seperti juga Malaysia mampu. Saya yakin insha-Allah kalau kita di landasan betul, hentikan ini bocor, hentikan tiris, hentikan rasuah kita boleh angkat semula Sabah ini jadi satu negeri yang gagah di Malaysia. Dan Malaysia boleh naik, sekarang ini dalam masa beberapa bulan. Dalam beberapa hari saya kata, semalam 8 bilion pulang. Hari ini baru berangkat pulang rombongan 80-90 peniaga-peniaga dari Arab Saudi yang datang dengan minat untuk melabur di Malaysia. Dalam beberapa hari lagi, kita akan dapat berita baik tentang pelaburan besar yang akan masuk lagi ke Malaysia. Saya belum umumkan. Mungkin dalam masa 1-2 hari ini. Sabar. Jadi maknanya, Malaysia sudah dapat tarikan semula. Syaratnya kita faham keperluan masa depan kita. Jaga negeri ini baik-baik dan janganjadikan politik itu tempat adu domba, permusuhan yang tidak berkesudahan. Ada mandat sekarang, gunakan mandat itu jaga negeri ini, dan pimpinan yang dipilih itu pegang amanah bukan untuk khianati amanah.

Kalau nak rasa nak bertarung, tunggu masa pilihan raya kita bertarung lagi. Sekarang bukan masa untuk bertarung, sekarang masa untuk menjalankan amanah mentadbir negeri, menjaga keamanan dan mengangkat martabat negeri dan rakyat seluruh negeri Sabah.

Dalam Belanjawan, saya kata kita berbicara tentang kemiskinan tegar, *hardcore poverty* ada unjuran 5 tahun, ada 7 tahun. Pembangkang kata ini bukan perkara baru, betul bukan perkara baru, tapi tak selesai sampai sekarang. Jadi saya, bekas, saya kata ada 130,000 orang masuk kategori yang *hardcore*. Ramai juga di Sabah dan saya beritahu, tahun ini juga dengan apa cara juga seluruh kekuatan Persekutuan, seluruh kekuatan negeri kita selamatkan rakyat yang paling miskin di Negara kita.

Kalau jawabnya tidak boleh malu dan aib kita sebagai pemimpin dengan seluruh kekuatan Negara tidak boleh selesaikan yang saya kategorikan sebagai miskin tegar atau *hardcore*. Alhamdulillah, dengan jentera Kerajaan Persekutuan, saya telefon masa itu Premier Abang Jo, saya telefon saudara Ketua Menteri Hajiji dan mereka bagi komitmen yang sama. Untuk menampung kekuatan supaya selesaikan ini. Jadi saudara-saudara ini yang dikatakan tekad politik. *Political will. If you have the political will. You remain honest and have integrity. You can deal with this problem. The problem is not raise. Origin. The problem is in ourselves, whether we wish to deliver or not, and I believe we, Sabahans and Malaysians are committed to deliver and serve.*

Jadi itu sudah selesai MA 63. Ada beberapa yang boleh diperjelaskan lagi oleh Ketua Menteri. Ada beberapa

pengumuman yang saya buat, yang saya percaya penjawat awam ikuti kerana saya percaya kalau kita boleh lakukan ini semua. Itu nasib penjawat awam akan terlebih terjamin. Bila saya ditanya semalam, apakah saya berpuas hati dengan upah dan gaji penjawat awam. Saya tidak berpuas hati, kerana dengan khidmat mereka dan dedikasi mereka sepatutnya mereka dapat diberikan upah yang lebih. Tetapi untuk melihat keadaan sekarang, hari ini. Saya dah agak dah. Saya dah agak dah. Tapi melihat keadaan hari ini saya ingin beri jaminan bersuara. Kita khidmat. Kalau cara kita bertindak dalam beberapa bulan ini dan pulangan ini 2 bilion, 7 billion, 8 billion ini, yang 8 billion ringgit itu masuk dalam Tabung Kewangan Negara satu sen pun tak bocor.

Kalau ada yang bocor, saya tahu lah saya buat apa? Saya nak cakap lebih tak boleh, Azizah kata jangan, orang cakap pensyarah macam dulu, tak boleh sebab Anwar Perdana Menteri kena jaga sikit kawalan bercakapnya. Maknanya bila kantung negara itu sudah cukup baik, penjawat awam percayalah, saya tetap akan beri keutamaan kepada nasib. Kerana penting dan apa yang dilakukan oleh Persekutuan itu selalu negeri akan ambil tindakan susulan yang sama. Jadi saya percaya semangat ini ada, bekerja dengan baik, banyak masalah belum selesai saya katakan tadi. Masalah kemiskinan masalah infrastruktur, Pan Borneo itu semua kita luluskan

segera. Beberapa kawasan masalah air, bekalan air masih ada termasuk di Sabah, elektrik ini semua ada keutamaan kita. Saya sekarang diamanah sebagai Perdana Menteri. Malu saya bila saya kalau saya baca ada di Kelantan, air minum warnanya macam teh susu atau dengar di kawasan Sandakan masih belum selesai air jadi sebab itu kita harus cari jalan. Saya hargai komitmen Ketua Menteri yang mahu melihat hal-hal ini dan dengan kerjasama Persekutuan dan negeri, cuba selesaikan masalah rakyat sebagai keutamaan nombor satu kita.

Ini hanya mampu dilakukan, dilaksanakan dengan baik sekiranya semua penjawat awam itu muafakat khidmat dengan ikhlas. Selesaikan masalah rakyat kerana kita pegang amanah, amanah ini bukan amanah Ketua Menteri iaitu Timbalannya atau Menteri-Menteri, amanah ini, amanah kita semua yang diberi upah untuk melaksanakan tugas. Saya ingin menggesa saudara-saudara tukar peta politik negara, tukar peta ekonomi dan budaya negara dengan penjawat awam sebagai teras dan tunggak membawa perubahan di negara kita.

Sekali lagi saya ucap terima kasih. Terima kasih tidak terhingga kepada saudara Ketua Menteri Hajiji kerana memberi sambutan yang luar biasa. Kalau macam inilah sambutan, saya kena datang tiap bulan nak buat kerja. Terima kasih banyak ya. Tapi kita seterus kerja walaupun saya kerja kuat sampai terus terus

diminta tu, minum pun belum sempat. Lain kali saya nak pesan kepada Hajiji sebelum bagi kuliah bagi dia minum dulu. Sebab masa saya di Sungai Buloh memang tidak pernah dapat teh susu.

Terima kasih saudara Ketua Menteri dan rakan-rakan pimpinan, saya amat hargai dan saya betul-betul mengharapkan supaya politik di Sabah kekal stabil. Tumpuan kita untuk membangun dan membela nasib rakyat kita.

Terima kasih.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.